

# Institut diplomasi: UMS bantu Timor Leste

Melibatkan bantuan pintar dalam pendidikan tinggi di negara sedang membangun itu

UM 5.8.2013 21

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**  
kampus@utusan.com.my

**S**ERAMAI enam kakitangan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlibat dalam satu program di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha membantu kerajaan Timor Leste membangunkan *Timor Leste Institute of Diplomatic Studies (IDS)*.

Kakitangan tersebut terdiri daripada tenaga-tenaga pengajar Program Hubungan Antarabangsa Sekolah Sains Sosial (SSS), Prof. Madya Dr. Asmady Idris, Diana Peters, Wan Shawaluddin Wan Hassan dan Carlervin Sukim selain dua pensyarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Dr. Anantha Raman Govindasamy dan Dr. Lai Yew Meng yang juga Penyelaras keseluruhan program berkenaan.

Program itu yang dilaksanakan hasil inisiatif Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diletakkan di bawah program Jangkauan Global Malaysia yang bertujuan memperkukuh pengaruh negara di peringkat antarabangsa melalui sumbangan dan bantuan pintar dalam pendidikan tinggi terutamanya kepada negara-negara kurang dan sedang membangun.

Inisiatif murni tersebut bermula pada hujung tahun lepas dan telah dizahirkan melalui penganjuran tiga siri bengkel bagi merangka dan menggubal struktur kursus dan kurikulum Timor Leste IDS.

UMS telah menjadi tunjang program tersebut apabila menganjurkan bengkel pada 21-22 Januari 2013. Manakala bengkel kedua telah disempurnakan di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Sepang pada April lalu.

Bengkel yang ketiga pula dilaksanakan di UUM-EDC pada Jun lalu, manakala

bengkel yang terakhir pula akan berlangsung di Dili, Timor Leste pada Ogos ini.

Setiap kursus yang telah dirangka seterusnya akan dibentangkan kepada Kementerian Luar Negeri Timor Leste untuk dimurnikan.

Selain kakitangan akademik UMS, program itu juga disertai oleh ahli-ahli akademik dari Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain iaitu Khoo Ying Hooi (Universiti Malaya), Prof. Dr. Rashila Ramli dan Dr. D. Ravichandran K. Dhakshinamoorthy (Universiti Kebangsaan Malaysia), serta Prof. Dr. Kamarulnizam Abdullah, Dr. Mohammad Zaki Ahmad dan Dr. Ratnaria Wahid (Universiti Utara Malaysia).

Selain itu, bekas pensyarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Ahmad yang kini berperanan sebagai Penasihat Jabatan Pengajian Tinggi merupakan Pengerusi program tersebut.

**DR. Abdul Razak Ahmad (lima dari kiri) bergambar bersama antara kakitangan UMS yang terlibat dalam program di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.**

